



SUARA

Jun 1988

ISSN 0128-1194

BANDARAYA

77 Orang Kakitangan Diberi Penghargaan

Seramai 30 orang kakitangan DBKL telah menerima Sijil Khidmat Cemerlang, 45 yang lain menerima Sijil Khidmat Bakti, manakala 2 orang lagi menerima Sijil Khidmat Bakti Khas dari Datuk Bandar Kuala Lumpur di Auditorium DBKL pada 15 April yang lalu.

Datuk Bandar dalam ucapannya kepada penerima Sijil dan Cenderamata tersebut berkata, "Diharap upacara seperti ini yang telah diadakan tiap-tiap tahun sejak tahun 1980 dapat mendorong dan menguatkan azam semua kakitangan untuk melipatgandakan usaha dan tenaga bagi menghasilkan perkhidmatan yang produktif, cekap dan bermutu tinggi di samping mengekalkan identiti sebagai kakitangan berakhlak mulia, jujur, bersopan-santun dan berdedikasi."

Datuk Bandar menambah, "Bagi pegawai dan kakitangan yang berjaya menunjukkan kecemerlangan kerja di dalam bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing, sudah sewajar-

nyalah pentadbiran mengiktiraf kecemerlangan dan jasabakti mereka yang sepatutnya menjadi teladan dan ikutan kakitangan lain, supaya akhirnya setiap kakitangan akan didorong oleh naluri untuk memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin di samping bekerjasama antara satu sama lain sebagai satu pasukan yang kuat dan bersatu padu."

Datuk Bandar juga merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam usaha menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah Bandaraya yang bersih, indah, selesa dan menarik. Beliau berharap keadaan ini akan terus dikekalkan sebagai satu usaha yang patut dibanggakan.

Penyampaian Sijil dan Cenderamata Khidmat Cemerlang kepada kakitangan DBKL merupakan penghargaan kepada mereka yang telah benar-benar menunjukkan kecemerlangan mereka di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Sijil dan Cenderamata Khidmat Bakti disampaikan kepada kakitangan DBKL berasaskan tempoh lama perkhidmatan. Ciri-ciri lain, seperti mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih, jujur, rajin, bertanggungjawab, berdisiplin dan berdedikasi juga menjadi asas pencalonan.

Bersambung di muka 7



Cik Leong Mee Wan menerima Cenderamata Khidmat Bakti Khas daripada Dato' Elyas Omar.



Datuk Bandar menyampaikan penghargaan khas kepada Radio Malaysia Ibu Kota (RMK) yang diterima oleh Puan Norlida Saidi Pengawal RMK, RMKT dan FM Stereo.



Dato' Elyas Omar menyampaikan Cenderamata Khidmat Bakti Khas kepada Encik Muhammad bin Abdul Wahab.

Kandungan

Muka Surat

77 Orang Kakitangan Diberi Penghargaan	1
Dari Meja Datuk Bandar	2
DBKL Galakkan Pembinaan Pangsapuri	3
Tiga Juta Ringgit Untuk Biasiswa Dan Latihan	4
Penyerahan Cek \$24 Ribu	5
Pendidikan Kebersihan Melalui Gotong-Royong	5
DBKL Sentiasa Memperbaiki Kemudahan Awam	6
PUSPANITA DBKL Anjur Lawatan Ke Hotel Shangri-la	6
Pengaduan Orang Ramai	7
Kampung Malaysia Tambahan Akan Mendapat Dewan Serbaguna	8
Kebersihan Tanggungjawab Bersama	9
Perasmian Dan Hari Keluarga Taman Pembangunan Kanak-Kanak Flet Sri Sabah, Cheras	10 & 11
Hari Keluarga PUSPANITA DBKL	10 & 11
Majlis Penutupan Dan Penyampaian Hadiah Kempen Kebersihan Hentian Pudu Raya 1988	11
Kemudahan Sukan Akan Ditingkatkan	12
Kemudahan Rekreasi Bukan Tanggungjawab DBKL Sahaja	13
Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia Ke-10	14 & 15
Kontraktor Bumiputera Perlu Jaga Mutu Kerja	16
Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Pertukaran Kegunaan Bangunan Tanpa Kebenaran	16
\$120,000 Untuk Program Sekolah Angkat	17
Zakaria Yaacob Dan Esah Borhan Johan Ujian Tilawah Al Quran	18
Sekitar Lawatan	19
Kenaikan Pangkat Pertukaran Melepaskan/Meletakkan Jawatan Pesaraan	20 & 21
Kakitangan JBRR Dan JKM Menyanyi Lagu Negara Ku Dan Lagu Setia	21
Puasa, Tuntutannya Dan Hari Raya Adil Fitri	22
Demam	23
Kerjasama Dan Persefahaman Untuk Kemakmuran Negara	24
Kelab Ekspedisi Persatuan Belia Kompleks Belia Bandaraya Berjaya Sampai Ke puncak Gunung Tahan	24
Majlis Pelancaran Buku 'Kuala Lumpur 1880 - 1895 - A City In The Making'	25
Mohd. Zaid - Wira Bolasepak DBKL	26
Lawatan Kebudayaan Ke Turki	27

Dari Meja Datuk Bandar

Di majlis Makan Malam Tahunan IKATAN Pegawai-Pegawai Kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IKATAN) baru-baru ini, saya ada menyebut bahawa Kuala Lumpur merupakan bandaraya ketiga yang terbersih di dunia. Walaupun ia merupakan satu kejayaan yang boleh kita banggakan, saya ingin melihat Kuala Lumpur memenangi gelaran bandaraya yang paling bersih di dunia.

Kami di DBKL merasa bangga kerana dapat memberi sumbangan kepada masyarakat dengan menjaga keindahan dan kebersihan bandaraya kita. Namun demikian, DBKL tidak dapat melaksanakan tugas ini sendirian. Kami memerlukan kerjasama dan sumbangan setiap penghuninya.

DBKL telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menjaga kebersihan bandaraya kita. Pada tahun ini sahaja, kami membelanjakan \$48 juta untuk tujuan tersebut. Jika penghuni bandaraya, terutama sekali para penjaja, menjalankan tanggungjawab mereka untuk menjaga kebersihan kawasan sekitar mereka, berjuta-juta ringgit dapat dijimatkan dari perbelanjaan mengutip dan membuang sampah sahaja. Kami harap setiap penduduk bandaraya akan bekerjasama dengan DBKL untuk menjaga imej Kuala Lumpur sebagai salah sebuah bandar yang terbersih di dunia.

DBKL memang sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat. Oleh itu, kami mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah menulis surat kepada kami untuk menyampaikan masalah-masalah yang menjejaskan kesejahteraan mereka. Dalam suku pertama tahun ini sahaja, lebih 700 sungutan telah kami terima. Kami sentiasa mengalu-alukan cadangan dan kritikan yang membina dari penghuni bandaraya untuk membantu kami menjalankan tugas kami sebagai warga kota yang bertanggungjawab.

Selaras dengan usaha-usaha menjaga kebersihan itu, DBKL telah menganjurkan Pertandingan Keindahan Rumah dan Kampung peringkat Wilayah Persekutuan. Sejumlah 32 kampung dari tujuh kawasan parlimen Wilayah Persekutuan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang kedua-dua kategori pertandingan itu.

Syabas! •

At the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Senior Officers' Association (IKATAN) Annual Dinner recently, I mentioned that Kuala Lumpur is the third cleanest city in the world. Although that in itself is no small achievement, I would like in the very near future to see Kuala Lumpur win the title of the cleanest city in the world.

We at DBKL are proud to do our bit for the community by enhancing the beauty and cleanliness of our city and maintain Kuala Lumpur's "Garden City" image. However, DBKL cannot carry out this task alone. The co-operation and contribution of every resident is necessary.

DBKL spends millions of ringgit to keep the city clean. This year alone, we are spending \$48 million. Millions of ringgit could also be saved on garbage collection and disposal alone, if residents, and particularly hawkers, do their bit to maintain the cleanliness of their surroundings. We hope every resident will work closely with DBKL to upkeep Kuala Lumpur's image as one of the cleanest cities in the world.

DBKL has always had the interest of the people at heart. In this spirit we thank those who have written in to highlight problems which affect the well-being of Kuala Lumpur's residents. In the first quarter of this year alone, over 700 complaints have been brought to our attention. We continue to welcome suggestions and constructive criticisms from well-meaning city residents to help us all carry out our individual responsibilities as civic-minded citizens.

In line with the cleanliness theme, DBKL organised the Most Beautiful House and Village Competition at Federal Territory level. A total of 32 kampungs from seven parliamentary constituencies in the Federal Territory took part in the contests.

Hence, it is with great pride that I offer my congratulations to the winners of both categories.

Syabas! •

DBKL Galakkan Pembinaan Pangsapuri

DBKL menggalakkan pembinaan pangsapuri kos sederhana dan tidak membenarkan pembinaan bangunan komersil 100 peratus melebihi empat tingkat, bertujuan untuk menampung keperluan penduduk pusat bandar yang dijangka meningkat daripada 150,000 orang kepada 370,000 orang menjelang akhir kurun ini.

Manakala bangunan baru akan dikenakan syarat 70 peratus untuk kediaman dan 30 peratus untuk perdagangan, bagi menggantikan bangunan-bangunan kediaman lama di pusat bandar yang dibina sebelum perang.

Datuk Bandar, Dato' Elyas Omar menjelaskan demikian selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh 1987/1988 Persatuan Pemborong-pemborong Binaan Bumiputera (PPPBBMM) Cawangan Wilayah Persekutuan di sebuah hotel terkemuka, di Jalan Sultan Ismail, pada 23 Mac, 1988.

Untuk menggalakkan pembinaan bangunan kediaman di pusat perdagangan, DBKL akan menurunkan kadar cukai pintu daripada 13 peratus kepada empat peratus, iaitu 50 peratus lebih murah daripada kadar cukai pintu rumah kediaman biasa.


Datuk Bandar menjelaskan, projek-projek bangunan perdagangan yang tergendala akan dipulihkan selaras dengan kehendak Pelan Struktur Kuala Lumpur yang diubahsuai.

Dalam ucapannya semasa merasmikan majlis tersebut, Dato' Elyas juga menyeru pemborong-pemborong Bumiputera supaya bekerjasama dengan DBKL untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menurut beliau, DBKL akan sentiasa membantu pemborong-pem-

borong Bumiputera melalui projek-projek usahasama, termasuk projek pembangunan ekonomi dan perkhidmatan seperti pengangkutan sampah.

Datuk bandar juga merayu pemborong-pemborong yang melaksanakan projek DBKL supaya menawarkan pekerjaan kepada siswazah menganggur walaupun dengan gaji minimum atau secara 'project to project basis'. •



DBKL Encourages Building Of Apartments

DBKL is encouraging the building of medium-cost apartments. However, it will not approve the construction of 100 percent commercial buildings of more than four storeys high. This is done in order to fulfill the housing needs of city dwellers whose population is expected to rise from 150,000 to 370,000 by the turn of the century.

New buildings are being erected to replace pre-war residential buildings and will have to conform to a 7:3 ratio on residential and commercial usage.

Datuk Bandar, Dato' Elyas Omar disclosed this after officially opening the Seventh Annual General Meeting

1987/88 of the Wilayah Persekutuan Branch of the Bumiputera Building Contractors Association (PPPBBMM) at a leading hotel on Jalan Sultan Ismail, 23 March this year.

To encourage the construction of residential buildings in the commercial centre, DBKL will reduce the assessment rates from 13 percent to four percent, 50 percent lower than the assessment rate for ordinary residential houses.

Datuk Bandar explained that abandoned commercial building construction projects will be rehabilitated in line with the requirements of the revised Kuala Lumpur Structure Plan.

In his speech at the opening ceremony, Dato' Elyas also called on Bumiputera contractors to co-operate with DBKL to implement the New Economic Policy (NEP).

According to Datuk Bandar, DBKL will always help Bumiputera contractors through joint-venture projects, including economic development and service projects such as garbage disposal.

Datuk Bandar also urged contractors undertaking DBKL projects to offer jobs to unemployed graduates even if it means minimum wages or on project to project basis. •